

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOGEH ANAK GUMBEK  
[ MAS GADING ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7603**

**SOALAN:**

**Tuan Nogeh anak Gumbek [ Mas Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha terkini Kementerian untuk mengekang penularan ideologi kumpulan militan ISIS di kalangan penduduk tempatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan sedang mengkaji untuk menggubal undang-undang pencegahan yang khusus bagi mengekang penularan kegiatan militan di negara ini di samping memperkasakan undang-undang sedia ada seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan 2013). Ini adalah rentetan daripada pembentangan Kertas Putih "Ke Arah Menangani Ancaman Keganasan Kumpulan *Islamic State*" di Dewan Rakyat oleh YAB Perdana Menteri pada 26 November 2014.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada masa yang sama, Kerajaan telahpun melaksanakan program-program penerangan tentang erti Jihad yang sebenar melalui seminar, forum dan ceramah di Agensi-agensi Kerajaan, swasta, institusi-institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah serta di dalam teks khutbah Solat Jumaat bagi mencegah penularan kegiatan militan di Malaysia. Program-program ini juga dianjurkan dengan kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain termasuklah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).**

**Selain dari usaha-usaha tersebut, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia telah menjalankan kerjasama secara berterusan dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya ASEAN dari segi pertukaran maklumat perisikan berhubung dengan kegiatan militan ini sama ada di dalam dan di luar negara.**

**Di samping itu juga, Jabatan Imigresen Malaysia telah bertindak untuk menyenaraihitamkan nama-nama mereka yang disyaki terlibat dalam kegiatan keganasan ini dengan memasukkan nama-nama mereka ke dalam Senarai Suspek (*Suspect List*) Jabatan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Seperti yang telah dimaklumkan di awal tadi, jika tiada halangan, Rang Undang-Undang khusus bagi menangani kegiatan keganasan iaitu Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada sesi ini. Sehubungan itu, saya ingin menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan sokongan penuh semasa pembentangan Rang Undang-Undang tersebut demi menjaga keselamatan negara dengan mengenyampingkan perbezaan fahaman politik kerana keselamatan itu amat mahal harganya.**